

Tuliskan **BETUL** bagi pernyataan yang betul dan **SALAH** bagi pernyataan yang salah di bawah ini.

Pernyataan	BETUL/SALAH
a. Stesen satelit bumi pertama dibina di Kuantan, Pahang	
b. Satelit TiungSAT-1 merupakan satelit mikro kedua yang berupaya membekalkan imej data yang lebih jelas dan spesifik.	
c. Pelancaran satelit MEASAT mewujudkan sistem televisyen satelit yang pertama, iaitu <i>All-Asia Satellite Television and Radio Operator</i> (ASTRO)	
d. Satelit MEASAT-3 dilancarkan selepas pelancaran satelit MEASAT-3a	
e. Kabel fiber optic digunakan untuk menyalur maklumat dan memindahkan arus data dalam dunia jaringan computer.	
f. Telefon pintar mempunyai banyak kemudahan seperti kamera beresolusi tinggi, capaian internet, menerima dan membalas e-mel.	
g. Telekom Malaysia (TM) berperanan untuk menyediakan telefon talian tetap dan memajukan industri telekomunikasi Negara.	
h. Komputer berfungsi untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu.	
i. Perkembangan ICT telah mendorong penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Putrajaya.	
j. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertanggungjawab untuk meluaskan jalur lebar ke serata pelosok negara.	